

Jika hanya gemar berdebat Melayu hilang peluang: PM

BANGI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu bahawa mereka akan ketinggalan jika terus membuang masa bertikam lidah dan berpolemik.

Perdana Menteri bimbang, jika orang Melayu terus bersikap demikian dan tidak merebut peluang dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), mereka mungkin tertinggal buat selama-lamanya.

"Sekarang, tanda-tanda menunjukkan bahawa Malaysia sudah sampai ke titik peralihan. Dari sekarang, tahap pembangunan kita akan meningkat. Kesempatan itu harus direbut oleh orang Melayu untuk maju ke hadapan bersama kaum lain."

Beliau menegaskan, orang Melayu tidak berniat merebut hak orang lain tetapi "ia tetap berhak kepada haknya sendiri".

"Segala prasarana intelek sudah ada pada kita dan yang diperlukan ialah penggunaannya dengan cara yang boleh membawa hasil," katanya ketika merasmikan Kongres Cendekiawan Melayu II di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

SEDUTAN UCAPAN DI MUKA 6

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka juga tidak harus membenarkan perpecahan berlaku di kalangan bangsa sendiri berikutan usaha dan cabaran pihak tertentu untuk menggagalkan pencapaian orang Melayu.

Menurutnya, ada pihak sudah berjaya menyemaikan kepercayaan di kalangan beberapa cendekiawan Melayu bahawa DEB kononnya memberi faedah kepada segelintir saja, hinggakan ada antara mereka yang turut sama mengancam dasar itu.

Perdana Menteri menyifatkan sebagai amat malang, jika cendekiawan Melayu yang meraih peluang daripada dasar itu, berpaling tadah dengan mempercayai dakwah pihak tertentu yang mahukan orang Melayu kekal dalam kemundurannya.

"Hasil daripada sikap ini, maka berjajalah pihak yang benar-benar mengetahui bahawa hanya orang Melayu yang boleh menggagalkan usaha-usaha orang Melayu," katanya.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri, mereka yang membuat tuduhan demikian tidak senang hati melihat ada orang Melayu yang sudah mencapai kejayaan dengan merebut peluang melalui DEB.

Oleh itu, katanya, mereka yang sanggup menerima kenyataan bahawa DEB menguntungkan semua Bumiputera dan Melayu, harus terus menyokong dasar itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bangsa yang benar-benar berjaya ialah bangsa yang cekap menggunakan ilmu untuk memperbaiki kehidupan mereka manakala bangsa yang bergantung kepada kejayaan silam adalah mereka yang mundur di zaman ini.

Kongres itu yang bertemakan Memasuki Dasar-warsa 90-an antara lain bertujuan membincangkan isu politik, ekonomi dan pendidikan yang berkaitan dengan masa depan bangsa Melayu.